

# Seminar SeIPTI di USIM

SEREMBAN 11 Dis. - Seramai 200 peserta terdiri daripada ahli akademik, penyelidik serta badan bukan kerajaan Islam dijangka menghadiri Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam (SeIPTI 2012) di Dewan Kuliah Fakulti Quran dan Sunnah dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia bermula esok hingga 13 Disember ini.

Program anjuran USIM yang turut mendapat kerjasama Universiti Sultan Islam Sharif Ali (UNISSA) Brunei dan Institut Studi Islam Darussalam (ISID) Indonesia selama dua hari bertujuan bagi mewujudkan integrasi dan membentuk kerjasama erat antara Institut Pengajian Tinggi (IPT) Islam serantau.

Pengarah Pengarah Seminar, Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani berkata, membincangkan usaha bagi membentuk integrasi pelbagai genre ilmu dengan mengadakan diskusi ilmiah dalam membicarakan tentang cabaran dan prospek institusi pengajian tinggi Islam serantau.

“Sebanyak 80 kertas kerja akan dibentangkan dalam tiga sidang selari. SeIPTI 2012 akan melibatkan 3 ucaptama dari ketiga-tiga universiti penganjur (USIM, UNISSA dan ISID) dan diskusi ilmiah antara para peserta seminar.

“Seminar bertemakan Melonjak Kegemilangan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Serantau akan dirasmikan Penasihat Agama Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin,” katanya di sini hari ini.